

PEKELILING BIOSEKURITI PERIKANAN BILANGAN 1/2021

OPERASI KAUNTER, AKTIVITI KAWALAN RASMI, ANALISIS RASMI DAN JAMINAN RASMI BIOSEKURITI PERIKANAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN – SEKATAN PERGERAKAN PENUH / *TOTAL LOCKDOWN* BAGI MENGEKANG PENULARAN PANDEMIK COVID-19

1.0 TUJUAN

Pekeliling Bioskuriti Perikanan Bilangan 1/2021 ini dikeluarkan bagi memaklumkan tindakan yang perlu diambil oleh setiap pihak berkepentingan (Unit Biosekuriti Perikanan Negeri, Makmal Pusat Biosekuriti Perikanan, Juruaudit Biosekuriti Perikanan, dan pelanggan serta pihak berkepentingan di sepanjang rantaian bekalan ikan) bagi memastikan operasi kaunter, aktiviti kawalan rasmi dan jaminan rasmi Biosekuriti Perikanan semasa pelaksanaan tempoh perintah kawalan pergerakan (Sekatan Pergerakan Penuh / *Total Lockdown*) bagi mengekang penularan pandemic Covid-19 berlangsung.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1. Lanjutan daripada peningkatan kes jangkitan bagi pandemic Covid-19 di Malaysia, Kerajaan Malaysia pada 28 Mei 2021 telah menetapkan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh diseluruh Malaysia dari 1 Jun hingga 14 Jun 2021.
- 2.2. Sekatan pergerakan penuh ini turut melibatkan penutupan pejabat kerajaan yang tidak diklasifikasikan sebagai perkhidmatan bukan perlu. Walau bagaimanapun, bagi perikanan, aktiviti disepanjang rantaian bekalan dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu disepanjang tempoh sekatan pergerakan penuh ini.
- 2.3. Sungguhpun demikian, arahan penutupan pejabat dan kawalan operasi pejabat-pejabat kerajaan yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 30 Mei 2021 masih terpakai dan setiap jabatan perlu mematuhi arahan tersebut.
- 2.4. Memandangkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Biosekuriti Perikanan adalah aktiviti penting dan perlu di dalam memastikan kelancaran perdagangan ikan dan hasil ikan serta bahan sokongan perikanan (kapur, ubat-ubatan veterinary akuakultur, makan rumusan ikan dan lain-lain) bagi tujuan import dan eksport, pekeling ini disediakan sebagai panduan kepada pegawai pelaksana bagi memastikan tiada sebarang gangguan kepada perdagangan berlaku semasa pelaksanaan tempoh sekatan pergerakan penuh ini dikuatkuasakan.

3.0 KAEDAH PELAKSANAAN TUGAS

- 3.1. Semua aktiviti disepanjang rantaian pengeluaran perikanan sama ada dalam bidang akuakultur, perikanan tangkapan dan perdagangan ikan hidup dan hasilan ikan bagi pasaran domestic dan antarabangsa adalah dibenarkan beroperasi mengikut ketetapan yang telah ditentukan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

- 3.2. Walau bagaimanapun, perkhidmatan yang ditawarkan oleh Biosekuriti Perikanan bagi menyokong perdagangan ikan dan hasilan ikan serta bahan sokongan perikanan (kapur, ubat-ubatan veterinary akuakultur, makan rumusan ikan dan lain-lain) perlu dilaksanakan mengikut norma baru yang ditetapkan sepanjang tempoh sekatan pergerakan penuh berlangsung seperti;
 - a. Memanfaatkan penggunaan teknologi terkini bagi komunikasi dan penghantaran dan verifikasi dokumen.
 - b. Kawalan tempoh perkhidmatan urusan kaunter.
 - c. Kawalan bilangan anggota bertugas.
 - d. Perkhidmatan melalui temujanji.
 - e. Notifikasi awam perkhidmatan ditawarkan melalui saluran media elektronik.

- 3.3. Perkhidmatan di bawah tugas Biosekuriti Perikanan yang perlu diteruskan berlangsung di sepanjang penguatkuasaan adalah seperti berikut;
 - a. **Khidmat Kaunter Pengeluaran Sijil Sokongan Eksport**
 - i. Khidmat perlu dilaksanakan secara temujanji.
 - ii. Penghantaran dokumen permohonan perlu menggunakan saluran elektronik sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh kutipan.
 - iii. Penetapan jadual tugas kakitangan bagi hari kutipan yang fleksibel untuk mengelakkan kesesakan.
 - iv. Penangguhan pemeriksaan/verifikasi lapangan bagi aktiviti eksport dan import.

 - b. **Aktiviti Pensampelan bagi Pengesanan dan Pemantauan Kontaminan dan Penyakit**
 - i. Aktiviti ini ditangguhkan sehingga tempoh sekatan pergerakan total ini ditamatkan.
 - ii. Setiap negeri perlu menjadualkan semula aktiviti ini selepas tempoh sekatan berakhir.

c. Aktiviti Pengauditan dan Verifikasi Lapangan

- i. Aktiviti pengauditan yang melibatkan skim pensijilan Kualiti Ikan perlu diteruskan dengan menafaatkan teknologi ICT terkini. Pengauditan lapangan perlu menggunakan kaedah pengauditan atas talian / pengauditan video secara maya.
- ii. Sekiranya kaedah pengauditan secara maya bagi pensijilan FQC/myGAP tidak dapat dilakukan, penyambungan sijil boleh dipertimbangkan dengan syarikat mengemukakan keputusan analisis sendiri dan semakan keputusan tahun terdahulu melalui program pensampelan rasmi Jabatan Perikanan Malaysia.
- iii. Mana-mana keputusan pensampelan yang tidak melanggar piawaian yang ditetapkan boleh dipertimbangkan untuk sijil kualiti ikan bagi syarikat berkenaan disambung tanpa melalui proses pengauditan pensijilan semula di lapangan.
- iv. Pengauditan myGAP/FQC bagi pematuhan akan ditangguh sehingga tempoh sekatan pergerakan total ini berakhir.

d. Analisis Sampel di Makmal Biosekuriti Perikanan

- i. Analisis sampel yang telah diterima sebelum 1 Jun 2021 perlu diselesaikan.
- ii. Manakala analisis bagi sampel yang masih belum dihantar ke makmal perlu menjalani pensampelan semula (sekiranya sampel rosak) atau disimpan di Unit Biosekuriti Perikanan Negeri.

4.0 PENGECUALIAN

Arahan di dalam Pekeliling ini tidak terpakai di kawasan yang telah diisytiharkan sebagai Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

5.0 TEMPOH PELAKSANAAN

Penguatkuasaan arahann di dalam Pekeliling ini akan berlangsung dari **1 Jun 2021** sehingga ke satu masa yang ditetapkan kemudian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



AHMAD TARMIDZI BIN RAMLY, AMK

Ketua Pengarah Perikanan,

Malaysia,

PUTRAJAYA.

Tarikh: **31** Mei 2021.